



PROGRAM	MAJLIS APRESIASI KONTINJEN PERBARISAN ANGKASA
TARIKH	21 JANUARI 2025 (RABU)
MASA	11.00 PAGI
TEMPAT	DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM, WISMA UNGKU A. AZIZ, KELANA JAYA
PERASMI	YBHG. PROF MADYA DATO' DR. ABDUL RAHMAN ABDUL RAZAK SHAIK TIMBALAN PRESIDEN ANGKASA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera, salam Malaysia Madani dan Salam Koperasi,

(Protokol Sapaan diberi di atas rostrum)

1. Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam Majlis Apresiasi Kontinjen Perbarisan ANGKASA pada hari ini.
2. Majlis yang dianjurkan pada hari ini merupakan penghargaan oleh ANGKASA kepada seluruh anggota kontinjen ANGKASA yang telah menunjukkan komitmen, disiplin dan semangat luar biasa dalam menjayakan penyertaan ANGKASA pada Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) ke-68 Peringkat Kebangsaan 2025 di Putrajaya di bawah payung Komponen 4: Perarakan Rakyat – Kontinjen Ekonomi dan Swasta di bawah kluster “Kesejahteraan Sosial dan Rakyat”.



3. Usaha dan pengorbanan masa dan tenaga yang ditunjukkan oleh **81 anggota kontinjen** yang terdiri daripada 68 warga ANGKASA termasuk subsidiari, enam (6) kakitangan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), serta tujuh (7) anggota Koperasi Sukarelawan Rakyat Selangor Berhad telah menampilkan semangat kebersamaan dalam gerakan koperasi sentiasa kukuh dan utuh.
4. Untuk makluman semua, penyertaan ini merupakan kali ketujuh ANGKASA terlibat dalam perbarisan seumpama ini iaitu pada tahun 1987, 1989, 1990, 1994, 1999, 2023 dan pada tahun lepas 2025.
5. Tahniah dan syabas diucapkan kepada Bahagian Korporat ANGKASA, yang telah membuktikan keupayaan pengurusan yang teratur serta tersusun, telah memimpin kontinjen perbarisan ini dengan penuh dedikasi, memastikan setiap latihan dan penyertaan berjalan lancar serta menepati standard yang ditetapkan
6. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kakitangan ANGKASA, warga Institut Koperasi Malaysia (IKMa) serta Koperasi Sukarelawan Rakyat Selangor Berhad. Penyertaan bersama ini telah memperlihatkan kesatuan dan kekuatan ekosistem koperasi dapat digerakkan secara kolektif dengan satu matlamat yang sama.

Anggota Kontinjen ANGKASA Yang Dihormati,

7. Apa yang paling membanggakan, para peserta sanggup bangun seawal jam tiga pagi, mengorbankan masa rehat dan keselesaan demi memastikan latihan dapat dijalankan dengan sempurna. Pengorbanan ini mencerminkan tahap disiplin, komitmen dan iltizam yang tinggi dalam menjayakan tanggungjawab yang telah diamanahkan.
8. Kesungguhan yang ditunjukkan sepanjang sesi latihan dan hari perbarisan membuktikan bahawa warga ANGKASA dan gerakan koperasi bukan sahaja cekal dari sudut ekonomi, malah mampu



menampilkan imej yang berdisiplin, profesional dan berwibawa di hadapan rakyat serta barisan kepimpinan negara.

9. Saya yakin dan percaya bahawa sekiranya nilai disiplin, komitmen dan kecekalan yang ditunjukkan ini diterjemahkan secara konsisten dalam urusan kerja seharian, ANGKASA bukan sahaja akan menjadi lebih berdaya saing, malah mampu terus kekal unggul dan relevan dalam menghadapi cabaran masa hadapan.
10. Kejayaan penyertaan ini telah berjaya menonjolkan ANGKASA dan gerakan koperasi secara lebih dekat kepada masyarakat umum dan kepimpinan negara. Ia memberi gambaran yang jelas bahawa koperasi merupakan satu entiti penting yang aktif, berdaya saing dan relevan dalam landskap pembangunan negara.
11. Penyertaan ini juga membawa mesej yang besar bahawa gerakan koperasi mempunyai tempat yang signifikan dalam pembangunan ekonomi negara, selari dengan agenda nasional yang menekankan kesejahteraan rakyat, keterangkuman ekonomi dan pembangunan yang seimbang serta mampan.

Anggota Kontinjen ANGKASA Yang Dihormati,

12. ANGKASA akan terus komited untuk memperkukuh peranan dan imej koperasi, bukan sahaja melalui program ekonomi, keusahawanan dan kebajikan, tetapi juga melalui penglibatan aktif dalam aktiviti berskala nasional yang mampu membina jati diri, disiplin serta semangat perpaduan.
13. Saya amat berharap agar kejayaan ini dapat dijadikan pemangkin kepada penglibatan yang lebih luas dalam kalangan warga koperasi pada masa hadapan, di samping menyemai semangat kebersamaan dan kebanggaan terhadap gerakan koperasi yang kita junjung bersama.



14. Dalam kesempatan ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan ANGKASA yang mengetuai Jawatankuasa Perbarisan ANGKASA pada Hari Kebangsaan Dan Hari Malaysia, Encik Halim Haji Ibrahim selaku Ketua Kontinjen dan seluruh pasukan Seksyen Korporat, Bahagian Korporat ANGKASA selaku Sekretariat yang telah melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi demi mengangkat imej serta jenama ANGKASA di peringkat nasional. Penghargaan turut dizahirkan kepada Komander Kontinjen ANGKASA, Ir. Ts. Mohd. Ramli Parman serta jurulatih, Encik Amin Shah Kamijan atas bimbingan, kepimpinan dan tunjuk ajar yang berterusan sepanjang tempoh latihan dan pelaksanaan perbarisan.
15. Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada seluruh kontinjen perbarisan ANGKASA. Semoga lebih ramai anak muda ANGKASA yang bersemangat waja dan beriltizam tinggi tampil menyahut cabaran sebagai anggota kontinjen, sekiranya ANGKASA sekali lagi diberi peluang oleh Kementerian Komunikasi untuk menjadi sebahagian daripada Kontinjen Kebangsaan.
16. Semoga semangat, disiplin dan kesungguhan yang telah ditunjukkan ini akan terus disemai dan diperkukuh demi kemajuan ANGKASA serta kelestarian gerakan koperasi negara.

Wabillah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.